# Pameran Fotografi ‘In Their Shoes’ Bukan Seperti Pameran Biasa

Ditulis oleh: Kendra Joseph

Tarikh: 18 & 19 Disember 2023, 11.00 AM – 5.00 PM

Lokasi: B.T 1.8 & 1.9, KPP3, UiTM Lendu, Alor Gajah, Melaka

Yang sebelumnya hanya kerja tugasan bagi subjek Digital Photo Communication (COM156) untuk para pelajar MC112, kini telah dijadikan sebagai pameran fotografi oleh pensyarah yang mengajar subjek tersebut iaitu TS Encik Amir Nor Azan Samar. Pameran ‘In Their Shoes’ merupakan pameran interaktif di mana para penonton boleh sentuh dan terbalikkan gambar-gambar yang dipamerkan untuk membaca ‘life story’ yang ditulis oleh pelajar-pelajar MC112.

Dengan tulisan di belakang gambar-gambar pameran interaktif ‘In Their Shoes: Diverse Narratives Across UiTM Alor Gajah’, adalah terang lagi bersuluh bahawa Encik Amir dan pelajar MC112 ingin memberi kilas kehidupan orang lain di mana setiap gambar mempunyai maksud dan cerita tersendiri. Erti kata lain, pameran fotografi ini bertujuan untuk menjemput para pelawat bagi melangkah dalam kehidupan individu kampus komuniti yang merakam kaleidoskop cerita dan perspektif yang berbeza dan beraneka.

Kehidupan para pensyarah, pekerja-pekerja kafe, tukang bersih, pemandu bas dan banyak lagi dipaparkan pada papan-papan yang didirikan dalam bilik pameran tersebut, setiap papan dipenuhi oleh gambar-gambar beraneka saiz, di mana foto-foto itu memberi maksud dan komposisi yang bertujuan untuk menarik perhatian para pelawat yang sedang mengimbas-imbas pameran fotografi ini. Dari sudut perspektif yang lain, pameran interaktif tersebut menjemput para pelawat untuk menerokai cerita dan fakta menarik dengan melihat di belakang foto, sama seperti zaman dahulu. Encik Amir ingin menekankan bahawa generasi sekarang terlalu obses dan terperap dalam kehidupan media sosial, oleh hal yang demikian, dia menggalakkan kita untuk merasa dan menyentuh setiap permukaan cetakan foto untuk menghidupkan balik rasa nostalgia.

Isu taksub dengan media sosial merupakan perkasa biasa dalam generasi sekarang, dengan pameran interaktif seperti ‘In Their Shoes’, kita boleh rehatkan diri daripada penggunaan peranti elektronik dan menghayati sekeliling kita supaya tidak leka dan lalai dengan segala yang berlaku dalam hidup ini. Pameran ini merupakan salah satu metode untuk kita memahami bahawa setiap orang mempunyai kehidupan dan corak rutin yang berbeza, perkara ini yang memberi keunikan dan maksud kepada setiap insan dunia ini. Dari foto-foto yang menggambarkan secebis dari kehidupan setiap insan, pameran ini mengajar dan memberi kesedaran untuk para pelawat untuk menghargai kehidupan sendiri dan orang lain juga.


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Melaka
MASSCOMM
'In Their Shoes'
Photography Exhibition by COM156
This an interactive exhibition.
Ini adalah pameran interaktif.
Uncover various stories by flipping to the back of each photo. Just like the good old days!
Terokai pelbagai cerita menarik dengan melihat di belakang foto. Seperti zaman dahulu!
Rest from endless social media photo-scrolling. Feel the photo prints.
Rehat dari melihat foto di media sosial. Rasai kertas cetakan photo.
Please handle the prints with care and avoid causing any damage.
Tolong lakukannya dengan berhati-hati dan tidak merosakkan gambar.


MMC112 1D
scooping the sauce and he is
customer packaging




YOGURT


RICH


Dr Rauf devote y finds inf mation
for his intervie on investment
and a few bene ts on the history
of Malacca.
D Rauf by
Ad ena Adreanna
ACI121A
Dr Rauf is on a call with e interviewer
as he answers t e questions with excelle ce
and listens to th questions attentively wh e
still keeping a ol, calm and profession l
manner.
Dr Rauf by
Adee a Adreanna
AC1121A


NOORIZAM
MC 112 1C
Framing
by
~ Syarina ~
-MC 112 1A


Cawangan Melaka
MASSCOMM
'In Their Shoes'
Photography Exhibition by COM156
This an interactive exhibition.
Ini adalah pameran interaktif.
Uncover various stories by flipping to the back of each photo.
Just like the good old days!
Terokai pelbagai cerita menarik dengan melihat di belakang foto.
Seperti zaman dahulu!
Rest from endless social media photo-scrolling. Feel the photo prints.
Rehat dari melihat foto di media sosial. Rasai kertas cetakan photo.
Please handle the prints with care and avoid causing any damage.
Tolong lakukannya dengan berhati-hati dan tidak merosakkan gambar.
XOΔΠX



'In Their Shoes'
Photographs Exhibition by COM156
This an interactive exhibition.
Ini adalah pameran interaktif.
Uncover various stories by flipping to the back of each photo.
Just like the good old days!
Terokai pelbagai cerita menarik dengan melihat di belakang foto.
Seperti zaman dahulu!
Rest from endless social media photo-scrolling. Feel the photo prints.
Rehat dari melihat foto di media sosial. Rasai kertas cetakan photo.
Please handle the prints with care and avoid causing any damage.
Tolong lakukannya dengan berhati-hati dan tidak merosakkan gambar.




'In Their Shoes'
Photography
Exhibition by COM156
18 & 19 DEC 2023
BT1.8 & BT1.9, KPP3
11.00 - 17.00




COOP MART
MISTER POTATO

